

**Soalan 1 – 4**

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Dila \_\_\_\_\_ mahu menyiapkan semua kerjanya sebelum bercuti panjang mulai esok.  
A seelok-eloknya  
B sebaik-baiknya  
C setidak-tidaknya  
D seboleh-bolehnya
- 2 Kamarul ditugaskan \_\_\_\_\_ Cikgu Hasanah untuk menjaga kawasan kantin pada waktu rehat.  
A tentang  
B demi  
C pada  
D oleh
- 3 Puan Norimah \_\_\_\_\_ kunci keretanya yang terdicir ketika dia mahu keluar dari pejabat tadi.  
A tercari-cari  
B tergesa-gesa  
C ternanti-nanti  
D terkapai-kapai
- 4 Filem terbaharu arahan pengarah muda itu pasti akan mendapat sambutan \_\_\_\_\_ daripada para penggemar filem komedi.  
A luas  
B tinggi  
C pantas  
D hangat

**Soalan 5 – 6**

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 5 Para-para usahawan tempatan perlu mencari peluang untuk memasarkan produk-produk keluaran mereka ke peringkat antarabangsa. Tiada kesalahan.  
A \_\_\_\_\_ B \_\_\_\_\_  
C \_\_\_\_\_ D \_\_\_\_\_
- 6 Kebiasaannya, pada musim cuti sekolah ibu bapa akan meluangkan masa untuk membawa anak-anak mereka melewati pelbagai tempat menarik. Tiada kesalahan.  
A \_\_\_\_\_ B \_\_\_\_\_  
C \_\_\_\_\_ D \_\_\_\_\_

**Soalan 7 – 8**

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan yang berhuruf condong dengan betulnya.

- 7 I Saya kenal *benar* akan pemuda itu kerana dia sekampung dengan saya.  
II Sejak kecil lagi Shazwan dididik oleh ibunya supaya sentiasa bercakap *benar*.  
III Azri *benar* insaf akan sikapnya terhadap kedua-dua ibu bapanya selama ini.  
IV Nasihat daripada penceramah itu meninggalkan kesan *benar* dalam hati kami semua.  
A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja
- 8 I Tetamu yang berkunjung ke majlis perkahwinan itu semakin *kekurangan* menjelang lewat petang.  
II Wanita itu serta anak-anaknya hidup serba *kekurangan* setelah hilang tempat bergantung.  
III Zahirah tidak menyalahkan Raisya atas kejadian itu kerana dia menyedari bahawa setiap orang pasti ada *kekurangan* masing-masing.  
IV Mangsa bencana tsunami di kawasan tersebut *kekurangan* bekalan makanan dan ubat-ubatan.  
A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan IV sahaja  
D II, III dan IV sahaja

**Soalan 9 – 10**

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 9 Pelbagai kemudahan telah kerajaan sediakan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di negara kita ini.  
A Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh kerajaan  
B Pelbagai kemudahan kerajaan telah sediakan  
C Berbagai kemudahan telah sediakan oleh kerajaan  
D Pelbagai kemudahan telah kerajaan sediakan
- 10 Kawasan peranginan itu menjadi tumpuan para pelancong kerana pemandangannya yang sungguh terindah sekali.  
A sungguh indah  
B amat terindah sekali  
C paling terindah sekali  
D sungguh terindah sekali

**Soalan 11 – 12**

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

- 11 I Baju kurung yang berwarna merah jambu itu saya pernah tempah di Butik Impiana.  
II Kakitangan syarikat itu telah mengadakan Hari Keluarga ke Tanah Tinggi Cameron.  
III Perlawanan bola sepak itu tertunda lagi akibat hujan lebat.  
IV Hakim telah menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup terhadap kedua-dua orang penjenayah itu.  
A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja
- 12 I Gerakan mencari dua orang mangsa lemas di sungai itu dijalankan sejak semalam.  
II Juruhebah radio itu sedang memutar lagu-lagu permintaan daripada pendengar.  
III Para belia dipelawa untuk menyertai Larian Amal yang diadakan di Putrajaya itu.  
IV Pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menunjukkan diturunkan sebanyak dua peratus.  
A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja

**Soalan 13**

*Pilih peribahasa yang paling sesuai.*

- 13 Seorang pengadil dalam sesuatu perlawanan haruslah membuat pertimbangan atau keputusan yang tidak berat sebelah. Jika tidak, dia akan dikatakan  
A bagai duri dalam daging.  
B bagai limau masam sebelah.  
C seperti abu di atas tunggul.  
D umpama kiambang di air, akarnya tidak jejak di bumi.

*Dalam petikan di bawah ini, terdapat lima kesalahan bahasa. Garis kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Lebah adalah sejenis serangga yang menghasilkan madu lalu menyimpannya dalam struktur lilin yang membentuk sarang lebah. Daripada kajian para saintis, madu lebah mempunyai khasiat yang paling terbaik kerana mampu menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Madu lebah boleh merawat semua penyakit-penyakit akibat serangan kuman atau mikroorganisme seperti demam, selesema dan batuk. Walaupun madu lebah telah terbukti mujarab, namun masyarakat belum masih menggunakannya secara maksimum.

- (i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_  
(iii) \_\_\_\_\_  
(iv) \_\_\_\_\_  
(v) \_\_\_\_\_

